

Industri bioteknologi raih pelaburan asing RM2b

BH 13/6/13 MS1

» Firma Taiwan laksana 4 projek baru di Sarawak, syarikat AS labur RM800j

Oleh Che Wan Badrul Alias
chewan@mediaprima.com.my

Industri bioteknologi negara terus mendapat perhatian pelabur asing apabila beberapa lagi pelaburan dari luar negara bernilai lebih RM2 bilion akan dimuktamadkan tahun ini.

Angka berkenaan mengatasi sasaran awal untuk tahun ini yang ditetapkan Malaysian Biotechnology Corp Sdn Bhd (BiotechCorp) iaitu RM1.75 bilion.

Antara pelaburan itu adalah dari firma akuakultur terkemuka Taiwan yang bakal membangunkan empat projek bioteknologi baru di Sarawak serta pelaburan firma bioteknologi Amerika Syarikat (AS) di Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP) bernilai sekitar RM800 juta.

Ketua Eksekutif BiotechCorp, Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal, berkata pada minggu depan pihaknya menjangka mengumumkan satu lagi pelaburan mega baru negara pada Persidangan Bioteknologi Industri Sedunia 2013 di Montreal, Kanada.

Katanya, jika semua pelaburan itu dapat dimuktamadkan, ia bakal melonjakkan prestasi pelaburan industri bioteknologi negara melepasi

“Setakat ini **BiotechCorp** sudah meraih tiga perempat daripada sasaran nilai pelaburan **RM1.7 bilion**, jika permohonan pelaburan yang kami terima ini dimuktamadkan nanti ia akan melepasi sasaran itu”

Dr Mohd Nazlee Kamal,
Ketua Eksekutif BiotechCorp

sasaran yang ditetapkan.

“Setakat ini BiotechCorp sudah meraih tiga perempat daripada sasaran nilai pelaburan RM1.7 bilion, jika permohonan pelaburan yang kami terima ini dimuktamadkan nanti ia akan melepasi sasaran itu.

“Kami jangkakan semua kumpulan pelabur asing ini akan mengumumkan pelaburan baru mereka sebelum akhir tahun atau menjelang awal tahun depan,” katanya dalam satu temu bual dengan *BH* sempena Forum Pelabur Bioekonomi (BIF) di Kuala Lumpur, semalam.

Forum itu buat julung kalinya akan berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur KLCC selama dua hari bermula 25 Jun ini.

Ia dianjurkan bertujuan mewujudkan platform komu-

nikasi yang telus, berterusan dan konsisten antara komuniti pelabur swasta dengan agensi Program Transformasi Bioekonomi (BTP) serta syarikat BioNexus.

Sementara itu, beliau berkata, penyertaan BiotechCorp di Montreal pada minggu de-

FAKTA NOMBOR

RM1.75
bilion

sasaran awal BiotechCorp bagi pelaburan asing

pan adalah bagi melaksanakan rundingan susulan dengan beberapa lagi syarikat bioteknologi antarabangsa yang berpotensi melabur di negara ini.

Katanya, sebelum ini kebanyakan mereka sudah menyatakan minat memilih Malaysia bagi membuka operasinya di rantau ini berbanding negara jiran, namun keputusan itu ditangguh bagi memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13), baru-baru ini.

“Minat pelabur asing kini lebih menggalakkan berbanding sebelum pilihan raya, kerana kita sudah buktikan politik negara yang sangat stabil selain aspek pembangunan infrastruktur dan sumber asli negara yang banyak,” katanya.

